



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	19/8/2013

# Pemilihan perkukuh parti: Dr Mahathir

BH - 19/8/2013

**Seri Kembangan:** Bekas Presiden UMNO, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam sekali lagi mengingatkan pemimpin dan ahli UMNO supaya menjadikan pemilihan jawatan tertinggi parti Oktober ini sebagai asas memperkukuh parti.

Sehubungan itu, katanya, pemimpin dan ahli parti harus memperkukuh saf perjuangan dengan mengetepikan kepentingan peribadi, sebaliknya menjadikan matlamat untuk memperkukuh UMNO menjelang Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU-14) sebagai aspek terpenting yang harus ada dalam diri masing-masing.

Beliau menegaskan, jika pemimpin dan ahli (UMNO) masih terus bersikap menyertai parti semata-mata untuk men-

dapatkan sesuatu demi kepentingan peribadi, sukar untuk parti terus menjadi tunjang Barisan Nasional (BN) kerana kepentingan peribadi mengatasi kepentingan parti.

"Imej UMNO sekarang kurang baik kerana ramai orang buat tuduhan rasuah...ada yang masuk parti untuk mendapatkan sesuatu untuk diri sendiri. Ada yang mengamalkan cantas. Yang tak dapat jadi calon, dia berusaha supaya orang lain yang jadi calon kalah.

"Kesetiaan bukan untuk parti, sebaliknya untuk individu. Kalau dia tak naik, jangan bagi orang lain naik. Sudah rosak, hendak perbaiki...Bukan tidak boleh, tetapi susah. Kalau tak ubah, susah," katanya ketika ditemui pada

majlis sambutan Aidilfitri di kediamannya di The Mines, di sini semalam.

Majlis itu dihadiri kira-kira 20,000 orang, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Dr Mahathir berkata, satu lagi masalah dalam UMNO ialah pemimpin tak suka orang yang lebih pandai masuk kerana takut akan hilang jawatan. Jadi, orang berkaliber tak boleh menyertai UMNO dan sebab itu orang masuk PAS.

"Dulu dalam PAS hanya ada ustaz, tetapi sekarang sudah ada doktor dan jurutera. Orang pencen yang berkaliber pun susah hendak masuk UMNO. Oleh itu, kita lihat ada bekas pegawai tentera masuk parti lawan," katanya.

## Lepas jawatan cawangan

Di **Seri Manjung**, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, melepaskan jawatan Ketua UMNO Cawangan Pangkor yang disandang-

nya sejak 17 tahun lalu, berkuat kuasa petang kelmarin.

Mesyuarat UMNO Cawangan Pangkor dihadiri kira-kira 450 ahli itu, bersetuju dengan cadangan Zambry untuk menyerahkan jawatan itu kepada timbalannya, Mohd Wazir Yusof, 56.

Zambry berkata, keputusan itu dibuat selepas beliau memikirkan sudah memegang jawatan itu terlalu lama iaitu sejak berusia 34 tahun dan sudah sewajarnya memberi peluang kepada orang lain menerajunya.

"Tambahan pula kesibukan tugas sebagai Menteri Besar menyukarkan saya memberi tumpuan kepada cawangan.

"Jadi, adalah lebih baik jawatan itu diberikan kepada orang yang tinggal di Pulau Pangkor supaya cawangan itu lebih bergerak aktif..ini bukan untuk memberi apa-apa petunjuk," katanya selepas Jamuan Aidilfitri anjuran UMNO Bahagian Lumut di Dewan Merdeka, di sini semalam.